

Headline	Kelegaan buat umat Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	2	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	207 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,091
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,274



## Kelegaan buat umat Islam

**KUALA LUMPUR 28 Feb.** - Pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof berkenaan keputusan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) untuk mengekalkan subsidi kes rayaan haji memberi kelegaan kepada umat Islam di negara ini.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim, **Dr. Raja Ahmad Iskandar** **Raja Ahmad Yaacob** berkata, pengumuman tersebut dapat melapangkan hati rakyat terutamanya bakal jemaah haji dan umat Islam.

“Dengan suasana ekonomi hari ini kita memahami langkah dan ikhtiar kerajaan untuk menyelamatkan negara, namun rakyat juga berharap dalam menganinya kebajikan rakyat tidak wajar dijadikan taruhan.

“Sungguhpun Islam meneckankan konsep istitoah yakni kemampuan (fizikal dan mental), namun kemudahan subsidi oleh kerajaan sudah diamalkan sejak sekian lama. Maka sangat mengejutkan jika tiba-tiba di-



DR. RAJA AHMAD ISKANDAR



AMINUDDIN YAHYA



MOHAMAD RAIMI AB. RAHIM

tarik,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (Isma), **Aminuddin Yahya** berkata, pihaknya berharap subsidi itu dapat terus diberikan buat masa-masa akan datang tanpa menjaskan pemberian dividen.

“Alhamdulillah kita bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mengambil kira rayuan rakyat. Ini juga antara objektif Tabung Haji, untuk membantu umat Islam yang kurang mampu.

“Kerajaan tidak boleh me-

lihat semata-mata dari sudut keuntungan tetapi kepada kebijakan rakyat. Komunikasi dengan pendeposit mesti sentiasa berjalan dan telus supaya tidak berlaku salah anggap,” katanya.

Dalam pada itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), **Mohamad Raimi Ab. Rahim** berkata, pihaknya menyambut baik keputusan tersebut.

“Kita yakin bahawa Tabung Haji berkemampuan untuk meneruskan subsidi ini pada tahun-tahun akan datang dengan syarat ia ditadbir urus dengan baik dan telus,” katanya.